

# PERATURAN DAN TATATERTIB DI ASRAMA

## **PERATURAN DI DALAM BLOK ASRAMA**

### **1. PELAJAR**

- a. Menunjukkan sikap dan sahsiah keperibadian yang tinggi
- b. Tidak mendatangkan ancaman kepada orang lain
- c. Menjaga adab serta percakapan
- d. Tidak mewujudkan suasana yang tidak sihat
- e. Mengelakkan daripada membuat provokasi secara terlampau
- f. Sentiasa berusaha mengekalkan keselesaan dan keselamatan
- g. Sentiasa memberikan kerjasama kepada warga asrama, patuh segala peraturan yang telah ditetapkan
- h. Menghormati antara satu sama lain
- i. Patuh kepada arahan Guru Asrama dan peraturan maktab
- j. Tidak memiliki sebarang alatan/benda/bahan cetak atau elektronik/sebarang pemilikan yang tidak dibenarkan oleh peraturan maktab dan undang-undang negara

### **2. KAWASAN SEKITAR BLOK ASRAMA**

- a. Menjaga adab, perangai serta bersahsiah tinggi
- b. Menjaga percakapan dan menghormati Guru Asrama serta warga asrama yang lain
- c. Pelajar dikehendaki memastikan kebersihan sentiasa terjamin
- d. Menjaga harta benda serta kemudahan yang disediakan
- e. Melaporkan sebarang kerosakan kepada Guru Asrama yang terbabit
- f. Melaporkan kepada Guru Asrama jika terdapat sebarang keadaan yang boleh mendatangkan ancaman dengan segera

### **3. BILIK**

- a) Setiap pelajar hendaklah memastikan segala peralatan di dalam bilik berada dalam keadaan baik
- b) Sentiasa memastikan bilik berada dalam keadaan :
  - kemas dan bersih
  - kondusif dengan pengudaraan yang baik
  - tiada sebarang sawang
  - tiada sebarang habuk di lantai, bilah kipas, lampu belajar, lampu utama, kerangka tingkap, atas rak almari, meja belajar, rak buku serta pengatur kelajuan kipas dan suis lampu
  - tidak menggantung sebarang pakaian di kerangka lampu dan tingkap atau mana-mana tempat yang tidak sepatutnya
  - Buku-buku hendaklah disusun dengan kemas
  - Keadaan katil hendaklah kemas, bercadar maktab, selimut hendaklah dilipat dengan kemas dan diletakkan dihujung tilam, bantal bersarung maktab manakala di bawah tilam serta katil bebas daripada sampah.
  - Baldi dan barang mandian hendaklah disusun dengan kemas
  - Kain tuala hendaklah disidai di ampaian yang disediakan.

- Pakaian kotor hendaklah dimasukkan ke dalam bekas yang dikhaskan oleh pelajar
- Pakaian di dalam almari hendaklah disusun dengan kemas
- Beg-beg pakaian hendaklah disimpan dengan baik.
- Kasut-kasut hendaklah disusun dengan baik, kemas dan cermat
- Selipar tandas dan sandal hendaklah disusun dengan baik, kemas dan cermat
- Tidak menceroboh/memmasuki bilik pelajar lain tanpa kebenaran
- Makanan dan minuman hendaklah disusun dengan baik dan tiada membawa sebarang makanan dan minuman yang dilarang
- Tiada sebarang alatan/pakaian/aksesori/benda atau apa-apa jua barang yang boleh mendatangkan kecederaan atau/dan dilarang oleh pihak pengurusan maktab dari semasa ke semasa
- Sebarang permasalahan atau kerosakan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Guru Asrama
- Menghormati rakan sebilik

#### **4. TANDAS**

- a) Setiap pelajar adalah bertanggungjawab untuk :
- Memastikan tandas berada dalam keadaan bersih, selesa dan selamat untuk digunakan
  - Melaporkan sebarang kerosakan kepada Guru Asrama
  - Memastikan jadual kebersihan dipatuhi
  - Tiada pakaian kotor berada di dalam sinki
  - Memastikan tiada barang mandian yang ditinggalkan
  - Baldi yang mengandungi pakaian kotor hendaklah disusun/diletakkan ditempat yang sepatutnya
  - Tiada pakaian basahan di dalam tandas
  - Lantai tandas hendaklah bersih daripada sebarang sampah

#### **5. AKTIVITI-AKTIVITI DI DALAM BLOK ASRAMA**

- a) Para pelajar di larang untuk :
- berada di dalam kawasan asrama di luar waktu yang dibenarkan
  - menganjurkan sebarang aktiviti sebelum mendapat kebenaran daripada Guru Asrama yang terlibat
  - sebarang aktiviti yang ingin dianjurkan hendaklah bersama dengan Guru Asrama bagi memantau aktiviti yang dijalankan
  - jika terdapat sebarang aktiviti di luar kawalan/pengetahuan yang boleh mengancam keselamatan, para pelajar hendaklah melaporkan aktiviti tersebut dengan segera kepada mana-mana Guru Asrama

#### **6. KAWASAN-KAWASAN LARANGAN**

- a). Para pelajar di larang keras untuk berada di kawasan-kawasan berikut tanpa kebenaran dan pengawasan:
- (i) Blok Akademik
- ◆ selepas jam 6.30 petang kecuali dengan kehadiran guru
  - ◆ selepas jam 11.00 malam kecuali dengan kehadiran guru sehingga jam 11.45 malam sahaja

- ◆ pelajar Puteri dilarang sama sekali berada di Blok Akademik pada hari Khamis malam Jumaat, Jumaat malam Sabtu atau malam Cuti Umum/Peristiwa/Khas kecuali dengan kehadiran guru bermula jam 9.00 malam. Jika bersama guru, tidak lewat daripada jam 11.45 malam
  - ◆ tidak berada di tempat gelap/sunyi atau mana-mana tempat yang boleh menimbulkan syak wasangka yang tinggi secara individu, berdua-duaan atau berkumpulan
- (ii) Kawasan Loji Air  
 (iii) Kawasan penyediaan makanan di Dewan Selera  
 (iv) Tempat penyediaan radas/alatan kimia di makmal sains  
 (v) kawasan belakang Dewan Kuliah  
 (vi) kawasan belakang Dewan Ulul Albab

## **PERATURAN KELUAR MAKTAB**

### **1. KELUAR KE BANDAR**

- a) Pelajar dibenarkan keluar ke bandar yang berdekatan dengan maktab pada hari yang ditentukan oleh pihak maktab.
- b) Masa keluar hendaklah mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak maktab
- c) Pelajar dikehendaki mendapatkan tandatangan kebenaran daripada Guru Asrama yang bertugas DAN dikehendaki untuk “*touch card*” di pos pengawal
- d) Pelajar hendaklah keluar secara berkumpulan sekurang-kurangnya 2 orang.
- e) Pelajar digalakkan menggunakan pengangkutan awam.
- f) Pelajar dikehendaki mengimbas kad matrik semasa keluar kampus di pondok pengawal.
- g) Pelajar dikehendaki memakai pakaian “outing” yang telah ditetapkan (rujuk peraturan pakaian keluar ke bandar).
- h) Semasa keluar ke bandar pelajar tidak dibenarkan mengunjungi tempat-tempat berikut:
  - Pusat permainan hiburan seperti “Billiard”, “Pin Ball”, “Video Games” dan Snuker
  - Semua kelab malam, bar, diskو dan seumpamanya.
  - Semua tempat pelacuran, rumah urut dan seumpamanya.
- i) Pelajar dilarang sama sekali “outing” ke **PANTAI** atau mana-mana kawasan air.
- j) Pelajar hendaklah menjaga imej dan nama baik maktab.
- k) Pelajar dikehendaki melaporkan diri di pondok pengawal dengan mengimbaskan kad matrik selepas pulang daripada Outing..

### **2. PULANG BERMALAM**

- a) Pelajar dibenarkan pulang bermalam mengikut jadual pulang bermalam yang telah ditetapkan oleh pihak maktab.
- b) Ibu bapa/penjaga atau wakilnya hendaklah membuat permohonan dengan mengisi boring pulang bermalam atau surat rasmi.
- c) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada pengetua dan sampai kepada pihak maktab lima hari sebelum tarikh pulang.

- d) Permohonan pulang bermalam perlu mendapat kelulusan daripada Pengetua/Timb Pengetua Pembangunan Pelajar/Ketua Guru Asrama.
- e) Pelajar hendaklah membawa borang permohonan pulang bermalam yang telah diluluskan kepada Guru Asrama bertugas untuk mendapat tandatangan kebenaran pulang.
- f) Borang permohonan pulang bermalam hendaklah diserahkan kepada Guru Asrama bertugas untuk difailkan.
- g) Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan pakaian pulang bermalam semasa pulang dan kembali ke maktab.
- h) Pelajar hendaklah menjaga nama baik dan imej maktab ketika pulang bermalam.
- i) Pelajar hendaklah kembali semula ke maktab sebelum jam 5.30 petang pada tarikh yang ditetapkan.
- j) Pelajar hendaklah melaporkan diri di pondok pengawal dengan mengimbas kad matrik.
- k) Sekiranya pelajar tidak dapat kembali ke maktab pada tarikh yang ditetapkan, ibu bapa /penjaga hendaklah memaklumkan kepada pihak maktab dengan menyatakan sebab-sebab tidak dapat kembali sebelum jam 10.00 pagi keesokannya.

### **3. PULANG KECEMASAN**

- a) Ibu bapa/penjaga hendaklah membuat permohonan pulang kecemasan dan mendapat kelulusan daripada Pengetua/Timb. Pengetua Pembangunan Pelajar/Ketua Guru Asrama.
- b) Ibu bapa/penjaga/wakil hendaklah datang mengambil pelajar di maktab. Pelajar tidak dibenarkan pulang sendiri kecuali langkah-langkah keselamatan telah disempurnakan dan mendapat keizinan daripada ibu bapa/penjaga.
- c) Peraturan pulang bermalam hendaklah dipatuhi seperti yang tercatat di atas.

### **4. KELUAR MENGIKUTI PROGRAM (Lawatan, Aktiviti Homeroom/Akademik, Perkhemahan, Kokurikulum dan seumpamanya)**

- a) Program telah diluluskan oleh Pengetua/Timbalan-timbalan Pengetua (mana yang berkenaan).
- b) Surat pengesahan kelulusan peserta dan senarai peserta yang disahkan oleh guru penasihat/ pengiring hendaklah dikemukakan kepada Guru Asrama bertugas.
- c) Pelajar yang ditahan “outing” atau dikenakan tahanan dalam maktab tidak dibenarkan menyertai program.
- d) Guru Asrama hanya menandatangani kebenaran pada senarai peserta sahaja.
- e) Salinan senarai nama peserta hendaklah diserahkan di pondok pengawal.
- f) Peserta hendaklah mematuhi peraturan pakaian yang telah ditetapkan berdasar program yang disertai.
- g) Peserta hendaklah sentiasa menjaga imej dan nama baik maktab semasa mengikuti program yang disertai.
- h) Peserta hendaklah melaporkan diri di pondok pengawal dengan mengimbaskan kad matrik, begitu juga setelah kembali ke maktab.

### **5. KELUAR KE KLINIK (di luar waktu pejabat)**

- a) Melaporkan kepada Guru Asrama bertugas.

- b) Mendapat rawatan di klinik/hospital dengan dihantar oleh Guru Asrama bertugas/pemandu bertugas.
- c) Melaporkan diri di pondok pengawal dengan mengemukakan kad matrik untuk imbasan.

## **6. KELUAR UNTUK SOLAT JUMAAT**

- a) Pelajar hendaklah mematuhi masa pergi dan balik yang telah ditetapkan oleh piha maktab
- b) Pelajar hendaklah mematuhi peraturan pakaian solat Jumaat.
- c) Pelajar tidak dibenarkan melencong ke tempat lain kecuali ke masjid untuk solat Jumaat.
- d) Pelajar hendaklah menjaga tertib dan adab semasa di masjid.
- e) Pelajar hendaklah pulang ke maktab setelah doa selesai dibacakan.

## **PANDUAN MEMBAWA DAN MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT DAN KOMPUTER RIBA**

### ***PERATURAN AM.***

1. Mendapat kebenaran ibu bapa/Penjaga.
2. Pelajar tidak dibenarkan untuk membawa komputer riba tanpa kebenaran pengurusan maktab.
3. Pelajar hanya dibenarkan mengecas telefon bimbit di kawasan asrama sahaja.
4. Pihak maktab berhak memeriksa dan memantau penggunaan telefon bimbit dari semasa ke semasa.
5. Sebarang bentuk penyalahgunaan telefon bimbit akan dikenakan tindakan mengikut "Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar MRSM".
6. Pihak maktab tidak bertanggungjawab jika berlaku kecurian, kehilangan dan kerosakan telefon bimbit.
7. Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap telefon bimbit masing masing.
8. Peraturan ini akan dikaji/semak dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

### ***SPESIFIKASI TELEFON BIMBIT.***

1. Tidak mempunyai kemudahan :
  - Kad Memori
  - Kamera
  - Bluetooth.
2. Telefon yang melanggar spesifikasi dan peraturan akan dirampas dan hanya akan dikembalikan selepas peperiksaan SPM atau setelah berhenti dari persekolahan di MRSM Kota Putra.

**TEMPAT MENYIMPAN DAN CARA PENGGUNAAN.**

1. Tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam kawasan blok akademik dan pentadbiran.
2. Pihak mакtab akan merampas telefon, jika digunakan ditempat dan waktu yang tidak dibenarkan.
3. Tidak digunakan selepas "light off".
4. Menggunakan telefon bimbit untuk menghubungi keluarga dan bukan untuk tujuan lain.

\* Untuk lain-lain peraturan berkaitan, sila rujuk Buku Panduan Pengurusan Asrama

\*\*Semua peraturan tersebut bergantung kepada keperluan semasa dan arahan daripada pihak pengurusan mакtab